



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

LAWATAN KERJA YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM PERDANA MENTERI MALAYSIA KE EKSPLO CHINA-ASEAN (CAEXPO) KE-20 NANNING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, 17 SEPTEMBER 2023

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia akan mengadakan Lawatan Kerja ke Republik Rakyat China (RRC) pada 17 September 2023, atas jemputan Tuan Yang Terutama Li Qiang, Premier RRC untuk menghadiri Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) ke-20 di Nanning, Wilayah Guangxi.

YAB Perdana Menteri akan diiringi oleh YB Datuk Mohamad bin Alamin, Timbalan Menteri Luar Negeri mewakili YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Luar Negeri; YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri; YB Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan; YB Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

YAB Perdana Menteri dijadual untuk menyampaikan ucapan semasa Majlis Perasmian CAEXPO dan China-ASEAN Business and Investment Summit (CABIS), bersama Premier Li Qiang dan pemimpin ASEAN yang lain. YAB Perdana Menteri turut akan merasmikan "Astaka Malaysia" semasa Ekspo tersebut.

Selain daripada menghadiri Ekspo ini, YAB Perdana Menteri juga akan mengadakan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawat beliau, Premier Li Qiang. Kedua-dua pemimpin dijangka akan membincangkan status hubungan dua hala Malaysia-China dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama. Premier Li Qiang akan menghoskan makan tengah hari bagi meraikan YAB Perdana Menteri.

CAEXPO merupakan acara pameran antarabangsa terbesar yang dianjurkan oleh RRC dan ASEAN, yang berfungsi sebagai platform bagi ahli perniagaan dan perusahaan dari rantau ASEAN dan RRC untuk meneroka kerjasama serta mempromosikan produk di kawasan perdagangan bebas terbesar di dunia. Malaysia telah menyertai Ekspo ini sejak penubuhannya pada tahun 2004.



WISMA PUTRA

Pada tahun ini, sebanyak 107 syarikat Malaysia menyertai Ekspo tersebut di bawah Astaka Malaysia, dikoordinasikan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Antara industri yang dipromosikan Malaysia di Ekspo tersebut termasuk perkhidmatan; makanan dan minuman; kesihatan dan kesejahteraan; gaya hidup, dan produk hijau.

Penyertaan Malaysia dalam CAEXPO ke-20 adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk menjalin hubungan ekonomi yang lebih erat dengan Kerajaan RRC serta komuniti perniagaan di rantau ini. Lawatan YAB Perdana Menteri ke RRC ini akan membolehkan kedua-dua pihak meluaskan perkongsian sedia ada, mengenal pasti potensi bidang kerjasama baharu dan mengukuhkan rangkaian perniagaan antara sektor swasta kedua-dua negara. Lawatan ini juga bertepatan dengan ulang tahun ke-10 Perkongsian Strategik Komprehensif Malaysia - RRC tahun ini, serta sebagai persediaan menjelang ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik yang bakal disambut pada tahun 2024.

Pada tahun 2022, RRC merupakan rakan dagangan terbesar ASEAN, dengan nilai dagangan berjumlah RM3.19 trilion (USD722.2 bilion), meningkat 7.8 peratus daripada tahun 2021. Nilai pelaburan langsung asing dari China ke ASEAN pula dicatatkan sebanyak RM67.52 bilion (USD15.3 bilion) pada tahun yang sama.

PUTRAJAYA
16 September 2023



WISMA PUTRA

No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2, 62602 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 80008000 | Fax: +603 8889 2726 | Emel: bkda@kln.gov.my | Portal: www.kln.gov.my